

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 JUN 2023

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 8

HARI : SELASA

Pelajar sarjana separuh masa boleh pinjam PTPTN

Ikuti pengajian di universiti awam, politeknik layak mohon

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelajar yang mengikuti pengajian sarjana separuh masa layak memohon pembiayaan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Maklumat mengenai pembayaran itu dipaparkan di ruangan

soalan lazim berkaitan permohonan pinjaman pendidikan di laman sesawang rasminya.

Pemohon layak membuat permohonan jika mengikuti pengajian separuh masa di universiti awam dan politeknik.

Bagaimanapun bagi pengajian di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), pinjaman PTPTN hanya disediakan di sesetengah institusi.

Pinjaman PTPTN hanya disediakan di Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Universiti Terbuka Wawasan, Asia E Universiti, Universiti Antarabangsa UNITAR (UNITAR) dan Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak).

Maklumat lanjut mengenai pembiayaan boleh dilayari di laman sesawang <https://www.ptptn.gov.my/pinjaman-pendidikan/>.